



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**CERITA RAKYAT KAUM BAJAU SEMPORNA, SABAH:  
SUATU ANALISIS CITRA MASYARAKAT**

**ABDUL HALIM BIN BANDAN**

**FBMK 1999 2**

**CERITA RAKYAT KAUM BAJAU SEMPORNA, SABAH:  
SUATU ANALISIS CITRA MASYARAKAT**

**ABDUL HALIM BIN BANDAN**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**1999**



**CERITA RAKYAT KAUM BAJAU SEMPORNA, SABAH:  
SUATU ANALISIS CITRA MASYARAKAT**

**Oleh**

**ABDUL HALIM BIN BANDAN**

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat untuk memperolehi  
Ijazah Master Sastera di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia.**

**Jun 1999**



### ***Dedikasi***

Sekalung penghargaan kepada Jawatankuasa Penyeliaan tesis iaitu Tuan Haji Taha Abd Kadir (Pengerusi), Encik Kamaruzzaman Abd Kadir (Ahli) dan Dr Ramli @ Sahari Isin (Ahli), atas segala tunjuk ajar, nasihat, bantuan dan sokongan. Juga kepada semua pihak yang sentiasa memberi dorongan. Allah jua yang mampu membaliasnya.

Buat ibu, isteri dan anak-anak tersayang yang sentiasa mendoakan kesejahteraan dan memberikan sumber inspirasi. Kepada kakak-kakak, adik-adik, saudara-mara serta rakan-rakan yang terus memberi semangat bagi meneruskan perjuangan ini.

Sesungguhnya perjuangan masih banyak dan belum selesai. Slogan hidupku masih tidak berubah bahawa sesuatu maklumat atau fakta baru yang dianggap sebagai sukar dan mustahil sedangkan sesuatu itu memberi manfaat kepada semua pihak itulah yang perlu direalisasikan demi generasi kini dan akan datang. Kalau ada kelemahan jangan salahkan diri sendiri dan orang lain, sebaliknya berusahalah mencapai matlamat *dengan 'tepuk dada tanya fikiran dan iman'*. Salam buat semua.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang. Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Dalam usaha menyiapkan penulisan tesis ini, penulis telah mendapat bimbingan, bantuan dan sokongan daripada Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Tuan Haji Taha bin Abd Kadir selaku Pengerusi dan Encik Kamaruzzaman bin Abd Kadir (Ahli) dan Dr Ramli @ Sahari bin Isin (Ahli) yang sentiasa memberikan dorongan, bimbingan dan nasihat yang amat bermanfaat.

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada para informan di kawasan kajian yang sudi meluangkan masa untuk didokumentasikan cerita mereka. Pegawai Muzium dan Arkib Negeri Sabah, tokoh-tokoh sejarah dan budaya tempatan, ibu tersayang, semua keluarga, isteri tercinta Lailane binti Mohamad, anak-anak dan semua pihak yang terlibat dalam penulisan tesis ini.

**ABDUL HALIM BANDAN (GSO1631)**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	ix
<b>ABSTRAK</b>	x
<b>ABSTRACT</b>	xii

## BAB

<b>I PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
Pengenalan	1
Latar Tempat dan Kaum Yang Melahirkan Cerita	7
Permasalahan Kajian	15
Objektif Kajian	16
Kepentingan Kajian	17
Batasan Kajian	17
Definisi Operasional	17
Kesimpulan	20
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	<b>21</b>
Pengenalan	21
Pengumpul-Pengumpul Cerita Dari Luar Negara	23
Pengumpul-Pengumpul Cerita Orang Tempatan	28
Kesimpulan	30
<b>III METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	<b>32</b>
Pengenalan	32
Tatacara Penyelidikan	33
Pemilihan Latar Kajian dan Informan	35
Pendekatan Kajian	36
Analisis Bahan	37
Kesimpulan	38

<b>IV</b>	<b>KONSEP SASTERA RAKYAT DAN UNSUR MASYARAKAT DALAM SASTERA .....</b>	<b>39</b>
	Pengenalan .....	39
	Tukang Cerita Di Sabah .....	44
	Konsep dan Pengertian Sastera Rakyat .....	45
	Unsur Sosiologi Dalam Sastera .....	50
	Pengkategorian Cerita Kaum Bajau .....	53
<b>V</b>	<b>ANALISIS CITRA MASYARAKAT .....</b>	<b>58</b>
	Pengenalan .....	58
	Analisis Cerita .....	61
	Kemasyarakatan dan Kemanusiaan.....	63
	Politik .....	100
	Ekonomi .....	106
	Kesimpulan .....	109
<b>VI</b>	<b>KESIMPULAN .....</b>	<b>110</b>
	Penutup .....	110
	<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>118</b>
	<b>LAMPIRAN: .....</b>	<b>125</b>
<b>A</b>	Sampel Kajian	
	Sinopsis Cerita Si Empat Mata (SEM)	
	Sinopsis Cerita Sultan Saudagar (SS)	
	Sinopsis Cerita Si Paupit dan Si Oak (SPSO)	
	Sinopsis Cerita Tiong Pahang (TP)	
	Sinopsis Cerita Esmara Dewa (ED)	
	Sinopsis Cerita Si Mayang Garoda (SMG)	
	Sinopsis Cerita Si Kitang-Kitang (SKK)	
	Sinopsis Cerita Si Ballabatu (SB)	
	Sinopsis Cerita Si Ombo' Ketam (SOK)	
	Sinopsis Cerita Si Gumandang dan Si Gumanding (SGSG)	
	Sinopsis Cerita Datu Jamaluddin (DJ)	
	Sinopsis Cerita Kayu Tiga Pucuk (KTP)	
	Sinopsis Cerita Di Alam Akhirat (DAA)	
	Sinopsis Cerita Orang Kaya Monyet dan Marahaja Tinggaung (OKMMT)	
	Sinopsis Cerita Syarif Tujuh (ST)	

<b>B</b>	Rangkaian Keluarga Bajau .....	<b>155</b>
<b>C</b>	Nama Subkaum dan Lokasi Dialek Bajau .....	<b>156</b>
<b>D</b>	Pasukan Angkatan Perang Kerajaan Melayu Melaka-Johor .....	<b>161</b>
<b>E</b>	Peta: Taburan Penduduk Bumiputera Sabah .....	<b>162</b>
<b>F</b>	Peta: Lokasi Dialek-Dialek Bajau Sabah .....	<b>163</b>
<b>G</b>	Lokas: Penduduk Bajau Pantai Timur .....	<b>164</b>
<b>H</b>	Kepulauan Riau-Lingga .....	<b>165</b>
<b>I</b>	Taburan Kaum Bajau Di Asia Tenggara .....	<b>166</b>
<b>J</b>	Empayar Melaka Pada Kurun Ke-15 M .....	<b>167</b>
<b>K</b>	Lokasi dan Taburan Masyarakat Melayu Orang Laut Nusantara .....	<b>168</b>
<b>L</b>	Gelombang Perpindahan Penduduk Melayu Orang Laut Di Nusantara .....	<b>169</b>
<b>M</b>	Berjuang Untuk Negara Tercinta .....	<b>170</b>
<b>N</b>	Perahu Suku Pala'uh Di Semporna dan Kepulauan Filipina .....	<b>171</b>
<b>BIOGRAFI DIRI .....</b>		<b>172</b>

## **SENARAI JADUAL**

### **JADUAL**

<b>1</b>	<b>Senarai Nama Informan .....</b>	<b>57</b>
----------	------------------------------------	-----------

## **SENARAI RAJAH**

### **RAJAH**

- |          |   |           |
|----------|---|-----------|
| <b>1</b> | <b>Kerangka Konsep Unsur Masyarakat .....</b> | <b>60</b> |
|----------|---|-----------|

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>SEM</b>	Cerita 1	(Si Empat Mata)
<b>SS</b>	Cerita 2	(Sultan Saudagar)
<b>SPSO</b>	Cerita 3	(Si Paupit dan Si Oak)
<b>TP</b>	Cerita 4	(Tiong Pahang)
<b>ED</b>	Cerita 5	(Esmara Dewa)
<b>SMG</b>	Cerita 6	(Si Mayang Garoda)
<b>SKK</b>	Cerita 7	(Si Kitang-Kitang)
<b>SB</b>	Cerita 8	(Si Ballabatu)
<b>SOK</b>	Cerita 9	(Si Ombo' Ketam)
<b>SGSG</b>	Cerita 10	(Si Gumanding dan Si Gumandang)
<b>DJ</b>	Cerita 11	(Datu Jamaluddin)
<b>KTP</b>	Cerita 12	(Kayu Tiga Pucuk)
<b>DAA</b>	Cerita 13	(Di Alam Akhirat)
<b>OKMMT</b>	Cerita 14	(Orang KayaMonyet dan Marahaja Tinggaung)
<b>ST</b>	Cerita 15	(Syarif Tujuh)

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

**CERITA RAKYAT KAUM BAJAU SEMPORNA, SABAH:  
SUATU ANALISIS CITRA MASYARAKAT**

Oleh

**ABDUL HALIM BIN BANDAN**

Jun 1999

**Pengerusi: Tuan Haji Taha Abd Kadir, M. Ed.**

**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini merupakan satu penyelidikan tentang cerita rakyat kaum Bajau di daerah Semporna yang dianalisis dengan menggunakan Pendekatan Sosiologi. Sebanyak 15 buah cerita dijadikan sampel kajian dalam usaha untuk mengenali lebih jelas tentang pola-pola sosiologi yang merangkumi unsur sosial (dari aspek kepercayaan, pekerjaan, penggunaan masa, tingkah laku, keselamatan awam, pemikiran, moral, keluarga, cinta-cita, persekitaran, agama dan lain-lain), unsur politik dan unsur ekonomi kaum Bajau.

Semua bahan dan maklumat dalam kajian ini diperolehi

daripada informan pelbagai golongan. 15 buah cerita daripada 6 orang informan atau pencerita dan maklumat tentang latar belakang kaum Bajau serta penduduk Sabah daripada tokoh-tokoh sejarah tempatan, individu tertentu dan pengalaman pengkaji sendiri sebagai anggota masyarakat kaum Bajau di Semporna, selain kaedah kepustakaan dipelbagai tempat. Kaedah penganalisisan menggunakan teori Alan Swingewood (1972), seorang peneliti ilmu sosiologi dalam sastera.

Dapatan kajian menunjukkan masyarakat kaum Bajau memiliki ciri-ciri masyarakat yang sama dengan bangsa Melayu yang lain dan menjelaskan bahawa kaum Bajau adalah berbangsa Melayu Jati. Mereka merupakan sebahagian bangsa Melayu yang kini berada di seluruh Kepulauan Melayu. (Semenanjung Malaysia, Kepulauan Indonesia, Selatan Thai, Singapura, Brunei Darussalam, Kepulauan Borneo dan Kepulauan Filipina). Persamaan asal usul kaum Bajau dengan bangsa Melayu merangkumi sastera tradisi lisannya lebih meyakinkan apabila meneliti hasil kajian ini.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts

**THE FOLKLORE OF THE SABAH, SEMPORNA BAJAU:  
AN ANALYSIS ON A REFLECTION OF A SOCIETY**

By

**ABDUL HALIM BIN BANDAN**

**June 1999**

**Chairman: Tuan Haji Taha Abd Kadir, M. Ed.**

**Faculty: Modern Languages and Communication**

This project is a research study on the folklore of the Bajau ethnic in Semporna Sabah, from the Sociological perspective. Enclosed here are 15 short stories treated as the project samples, in which to enhance our understanding into the Sociological features of social (belief, thought, morale, family relationship, ambitions, religion, behaviour, public security, time management, environment and those elements related to the field), politic and the economic element of the people.

The materials and information collected are from informants

of various ethnic origins. The 15 short stories are from 6 individual informant or story tellers while the background information of the Bajau community and the Sabah population are obtained from the local historians, certain individuals and own experience as a member of the Bajau's in Semporna, besides resource from the library. The method of analysis is Swingewood, Alan (1972), is a Sociologist Theories of Literature.

The results of this study show that the Bajau's community possesses the values of the Malay's. They are among the Malay's which are presently can be found in the various region of the Malay Archipelago (Peninsula Malaysia, Indonesia, Southern Thailand, Singapore, Brunei Darussalam, and the Island of the Philipine). The similarity of the Bajau's origin with that of the Malay's is very significant when we vividly observe the finding of this study.

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Kesusasteraan rakyat atau dikenali sebagai sastera tradisi lisan, merupakan asas dan titik tolak perkembangan kesusasteraan moden pada masa ini. Ia merupakan pernyataan daripada sesuatu budaya yang dipunyai bersama oleh masyarakat secara kolektif. Selain itu, ia berfungsi sebagai pencetus atau pemangkin untuk memperteguhkan kedudukan dan identiti kesusasteraan dari dahulu hingga sekarang.

Perkara yang sama juga berlaku di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Great Britain, Perancis, Leiden (Belanda), Rusia, New Zealand, Australia, Afrika, India dan lain-lain. Cerita-cerita rakyat telah terpancar menjadi cerita-cerita yang popular pada kurun ke-18. Sebagai contoh, cerita tentang kepahlawanan Robin Hood di Great Britain dan Hercules di Amerika Syarikat.

Di Rusia cerita-cerita seperti Tarzan, dewa-dewi di kayangan, ahli-ahli sihir dan sebagainya telah melahirkan pelbagai versi cerita yang kemudian tersebar ke negara-negara lain. Cerita-cerita tersebut telah meninggalkan kesan yang ketara ke atas cerita-cerita mengikut model Barat yang akhirnya menjadi sumber asas kepada penulis-penulis lain

dalam kurun ke-19 untuk melahirkan sastera moden khususnya di Rusia (V. Propp, 1987).

Demikian halnya tentang sastera rakyat di Malaysia yang bercorak cerita naratif, telah menjadi tumpuan para penyelidik bukan sahaja di kalangan pengkaji tempatan malahan turut dilakukan oleh para sarjana luar negara sejak sebelum dan selepas negara mencapai kemerdekaan.

Pada suatu ketika dahulu orang Barat khususnya pihak penjajah di wilayah-wilayah Nusantara (Kepulauan Melayu), bukan sahaja menjalankan aktiviti ekonomi dan politik tetapi juga melibatkan bidang kesusteraan, bahasa dan kebudayaan penduduk tempatan bagi tujuan kepentingan politik kolonialisasi mereka. Namun sebahagiannya ternyata cukup berminat sehingga banyak karya dan koleksi dikumpul dan diterbitkan.

Beberapa nama pengkaji Barat yang sudah tidak asing lagi dalam dunia sastera misalnya R.O. Winsedt, R.J. Wilkinson, Stamford Raffles, W.E. Maxwell, C.Hooykaas, Russel Jones, A.J. Sturrock, W.G. Shellabear, Smith Thomson, A. Teeuw, P.L. Amin Sweeney, Cyrill Skinner, Charles Shuttleworth, Mubin C. Sheppard, R. Roolvink, William Skeat, L.O. Blagden, Abraham, Anker Rentse, Hugh Clifford, A. Hale, H.

Overbeck, I. Proudfoot, P.E. Josselin De Jong, A.H. Hill, M.G. Emeis, Allan Dundes, O.T. Dussek, G.W.J Drewes, L.F. Brakel, H. Overbeck, B.B. Parnikel, V. Matheson, P. Voorhoeve dan lain-lain.

Di negeri Sabah sendiri antara mereka yang terlibat ialah G.G. Wooley, N.B. Baboneu, Pauline Wickenden, Margaret M. Brook, Rev. Verhoeven, Maxwell Hall, D.C. Holland, Josephine Boenish Burrough, F.G. Whelan, Appel, Barbara Harrison, Thomas Rhys William, John Wayne King, Julie K. King dan lain-lain nama lagi. Hal tersebut berlaku disebabkan pihak penjajah telah lama mengetahui bahawa sastera rakyat boleh dianggap sebagai cermin masyarakat yang memancarkan pelbagai sumber maklumat bukan sahaja tentang sistem sosial dan budaya semasa tetapi juga tentang sejarah dan asal usul masyarakatnya. Oleh sebab itulah ahli-ahli antropologi sendiri lebih selesa menggunakan konsep tradisi rakyat apabila mencirikan masyarakat yang hendak dikaji (Norazit Selat, 1997: 1).

Tradisi lisan juga berfungsi sebagai sistem menyatakan pelbagai keinginan di bawah sedar, angan-angan terpendam, sebagai pengesahan kebudayaan, sebagai alat pemaksa berlakunya norma-norma sosial dan alat pengendali sosial yang dibenarkan oleh masyarakat (Siti Aishah Mat Ali, 1997: 2).

Sesungguhnya dengan penelitian dan penyelidikan terhadap sastera rakyat, dipercayai dapat digunakan sebagai bahan perantara untuk mencapai kesepakatan, perpaduan dan kejituan yang menyumbang kepada jati diri sesuatu bangsa, sesuai dengan ungkapan tradisional "*tak kenal maka tak cinta.*"

Menyedari hakikat pentingnya sastera rakyat ini, wujudlah tokoh-tokoh di kalangan rakyat Malaysia sendiri yang berminat untuk membuat kajian lebih terperinci, ada yang mendokumentasi dan mentranskripsikan pelbagai cerita dan tidak kurang juga yang mengaplikasikan sumber tersebut untuk dijadikan sumber penyelidikan secara ilmiah dengan menganalisis menggunakan pelbagai teknik, teori dan pendekatan tertentu.

Antara mereka terdapat nama-nama seperti Mohd. Taib Osman, Ismail Hussein, Abu Hassan Sham, Hashim Awang, Noriah Taslim, Zuber Usman, Umar Yunus, Ali Haji Ahmad, Darus Ahmad, Jamilah Haji Ahmad, Zakaria Hitam, Kassim Ahmad, Teuku Iskandar, Siti Aishah Mat Ali, Haji Mohd Khalid Mohd Taib, Mustafa Mohd Isa, Inon Saharuddin Abdul Rahman, Harun Mat Piah dan A. Samad Ahmad.

Nama-nama lain seperti Matlob, Harun Daud, Rejab F.I., Baharuddin Zainal, Wan Yusof Wan Hassan, Mohd Yusof Md Noor, Pozi

Haji Masurori, Aripin Said, Taha Abd Kadir, Abdul Rahman Kaeh, Zainal Abidin Bakar, Mohd Mansur Abdullah, Siti Hawa Haji Salleh, Khalid Mohd Hussain, Baharudin Ahmad, Ismail Hamid, Yusoeff Iskandar, Siti Aishah Mat Ali, Noriah Taslim, Fatimah Mohd Yassin, Noriah Mohamad dan lain-lain. Mereka telah menyumbangkan jasa, membantu memperkayakan khazanah sastera rakyat di Malaysia.

Tetapi perlu ditegaskan bahawa hanya beberapa nama sahaja yang telah menjalankan penyelidikan secara ilmiah (menganalisis teks terhadap cerita yang dikumpul), iaitu seperti Mohd Taib Osman, Mohd Khalid Taib, Mustafa Mohd Isa, Inon Shaharuddin Abd Rahman, Jamilah Haji Ahmad, Siti Aishah Mat Ali, Noriah Taslim dan beberapa nama lain. Sementara yang lain kebanyakannya hanya menghimpun atau menyusun semula cerita-cerita dalam sesebuah buku untuk dijadikan bacaan tambahan di peringkat pra sekolah dan menengah rendah.

Sastera rakyat mempunyai peranannya yang tersendiri terhadap masyarakat secara keseluruhannya. Antaranya adalah untuk memberi gambaran hidup sesuatu masyarakat yang biasanya didapati melalui tema, struktur cerita dan mesej yang disampaikan. Kemudian mengungkapkan beberapa nilai budaya, moral, kemasyarakatan, kekeluargaan, agama dan sebagainya yang ada pada masyarakat yang melahirkannya.

Masyarakat Melayu lama menyampaikan cerita secara lisan daripada seorang individu kepada individu atau kelompok yang lain sehingga sesuatu cerita itu akhirnya berkembang daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Proses ini mengakibatkan wujudnya perubahan dan tokok tambah dari segi jalan cerita, nama watak-watak dan latarnya yang biasanya disesuaikan berdasarkan latar dan gaya si pencerita. Kesannya wujudlah pula beberapa versi atau kelainan dalam cerita sedemikian sehingga melahirkan beberapa cerita yang sama atau berlainan judul dan berbeza tema dan plot atau jalan ceritanya. Umpamanya cerita *Si Ballabatu* di Sabah dengan *Awang Golok Besar di Kelantan*, Cerita *Esmara Dewa* dan *Si Kitang-Kitang* di kalangan kaum Bajau dengan *Lela Sari* dan *Bawang Putih Bawang Merah* atau *Ikan Emas* di Semenanjung Malaysia dan juga *Tiong Pahang* di kalangan kaum Bajau dengan *Siong Wanara* di kalangan orang Jawa di Semenanjung atau di Pulau Jawa, Indonesia.

Seperti yang diketahui negara Malaysia mempunyai penduduk terdiri daripada pelbagai kaum atau komuniti, yang kesannya pula mewujudkan perbezaan budaya di kalangan mereka. Paling ketara ialah penduduk peribumi di Semenanjung dan peribumi di Sabah dan Sarawak. Keadaan sedemikian melibatkan perkembangan dan peralihan sosiobudaya sesuatu etnik, bukan sahaja terhadap tradisi budaya tetapi juga terhadap tradisi lisan atau sastera rakyatnya.

Akibat tamadun budaya dan pemikiran masyarakat yang semakin maju, tambahan pula dunia sekarang telah berada dalam era globalisasi, dunia tanpa sempadan dan kemajuan drastik dalam teknologi bermaklumat sudah tentu berlaku pengalihan cita rasa dan minat masyarakat terhadap cerita-cerita jenis ini.

Menyedari hakikat tersebutlah yang merupakan antara sebab maka perlulah usaha-usaha seperti ini dilakukan. Pada kali ini pengkaji memilih sastera rakyat suku kaum Bajau di daerah Semporna, Sabah bercorak cerita. Penganalisisan bahan dari aspek citra masyarakat dengan mengaplikasikan teori Sosiologi Sastera menurut Alan Swingewood (1972).

### **Latar Tempat dan Kaum Yang Melahirkan Cerita**

Negeri Sabah mempunyai penduduk terdiri daripada pelbagai suku kaum, bahasa, budaya, dialek dan agama. Suku kaum Dusunkadazan adalah penduduk bumiputera Sabah yang paling banyak bilangannya. Kedua, suku kaum Bajau, ketiga suku kaum Murut dan diikuti oleh suku kaum Melayu Brunei. Rujuk Lampiran E, Peta: *Taburan Penduduk Bumiputera Sabah.*

Melalui banci dalam Siaran Perangkaan tahun 1970, oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, penduduk Sabah berjumlah 432,078 orang. Tahun 1987 berjumlah 1,011.046 orang. Pada tahun 1991 meningkat lagi kepada 1,736.902 orang. Kemudian berdasarkan Buku Maklumat Perangkaan tahun 1997, penduduk Sabah berjumlah 2,663.000 orang, yang menunjukkan penduduknya sentiasa bertambah dari semasa ke semasa.

Penduduk negeri Sabah terdiri daripada lebih 35 suku kaum dan mempunyai lebih 90 dialek bahasanya. Bahasa yang dituturkan pula boleh dibahagikan mengikut kelompok atau etnik. Kelompok bangsa Melayu pula terdiri daripada kaum Bajau, Kedayan, Melayu Brunei, Tidong, Bugis, Jawa, Bisaya, Banjar, Kokos, Buton dan sebagainya. Istilah '*Melayu*' di negeri Sabah, masih kurang jelas kalau dibandingkan kedudukannya dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Pada hakikatnya pentakrifan terhadap bangsa Melayu itu bagi para pengkaji sejarah dan bahasa, memberi makna bahawa semua penduduk asal yang telah berkurun-kurun lamanya menetap di wilayah seluruh Kepulauan Melayu yang merangkumi Malaysia, Indonesia, Selatan Thailand, Filipina, Singapura dan Brunei Darussalam. Semua penduduk di wilayah itu dengan sendirinya dikenali sebagai orang Melayu iaitu mengambil sempena kedudukan geografi bangsa tersebut berada.

Nenek moyang orang-orang Bajau di daerah Borneo dan Filipina berasal dari Kepulauan Riau-Lingga dan satu ketika dahulu mereka itu dikenali sebagai pengembara laut. Satu migrasi besar-besaran yang melibatkan perpindahan orang-orang Bajau dari daerah Kepulauan Riau-Lingga telah berlaku pada kurun ke-14, iaitu sejurus sebelum agama Islam disebarluaskan secara rasmi di negeri Johor (Sopher, E. David., 1965: 51-53). Rujuk Lampiran H, *Kepulauan Riau-Lingga* dan Lampiran I, *Taburan Kaum Bajau Di Asia Tenggara*.

Kenyataan tersebut diperkuuhkan oleh pendapat Mr Forest dalam Ling Roth, Henry (1968: 131), bahawa masyarakat Badjoo yang dipanggil sebagai orang-orang Badjaw, adalah nelayan yang sering bergerak ke tempat-tempat lain yang dipercayai datang dari Johor iaitu bahagian pintu masuk Selat Melaka. Hugh Low (1848), berpendapat bahawa orang-orang Bajau atau Sama adalah 'sea gypsies' yang datang dari Selat Melaka (Jainuddin Malik (1991: 85).

Kajian Rasidan Abd. Latif (1996: 37-40), mencatatkan tentang latar belakang suku kaum Bajau atau Sama. Melalui informannya Jeraman bin Panglima Abd. Hanu dan Panglima Habagat bin Hajiludin, bahawa asal usul suku kaum Bajau termasuk di daerah Semporna adalah dari Selat Melaka iaitu negeri Johor. Pendapat mereka sama dengan kajian Alliston, Cyril (1966: 23-40), Follet, Helen (1945: 129-130) dan Saleeby (1963:

32-40) dalam Yap Beng Liang (1993: 6-9), juga bersetuju bahawa suku kaum Bajau berasal dari negeri Johor. Kaum inilah yang dipercayai pernah berkhidmat sebagai anggota angkatan Laut Melaka dan bertanggungjawab dalam hal ehwal keselamatan kerajaan Melayu Melaka dan Johor. Rujuk Lampiran D, *Pasukan Angkatan Perang Kerajaan Melayu Melaka-Johor* dan Lampiran M, *Berjuang Untuk Negara Tercinta*.

Teori di atas dipersetujui oleh beberapa informan yang menjadi sumber rujukan kepada beberapa orang pengkaji tempatan seperti Mohd Yassin Isa (1987: 4-5), melalui '*Asal Usul Bajau*', Yap Beng Liang, (1993: 5-9) melalui bukunya '*Orang Bajau Pulau Omadal*', Diuh Balimbang (1988: 17-21), melalui kajiannya, 'Pengaruh Bahasa Bajau (Bajau Laut) ke atas sebutan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar Bajau', Rasidan Abd Latif (1996: 37-40), melalui kajiannya, 'Adat Istiadat dan Kebudayaan Suku Kaum Sama (Bajau)' serta beberapa pengkaji lain.

Berdasarkan kajian, panggilan Bajau belum wujud pada masa pemerintahan kerajaan Srivijaya, Majapahit dan awal pemerintahan kesultanan Melaka. Pada masa itu mereka dikenali sebagai Melayu Orang Laut sahaja. Panggilan Bajau menurut Kassim Ahmad (1964: 492-499) dalam buku *Hikayat Hang Tuah*, wujud setelah Hang Tuah menyandang gelaran Laksamana. Dalam bab 20, ada menceritakan bahawa Sultan